

# Kepelbagaian Asean pikat pelancong

BH - 27/1/2005 : 2

LANGKAWI: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kepelbagaian etnik, budaya dan agama di rantau ini boleh dijadikan aset penting untuk mempromosikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Bekas Perdana Menteri berkata, Asean perlu berganding bahu untuk menggunakan sepenuhnya kepelbagaian budaya dan pakaian tradisi etnik rantau ini yang berwarna-warni sebagai produk pelancongan yang tidak akan ditemui di negara lain.

"Di Indonesia ada lebih 200 etnik dan begitu juga di Vietnam, Thailand, Myanmar dan Malaysia sendiri ada tiga kumpulan etnik utama, selain suku kaum di Sabah dan Sarawak.

"Apa yang kita ada ini boleh ditunjukkan kepada dunia sebagai usaha kita menjadikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan terkenal," katanya ketika menyampaikan ucapan utama Persidangan Pelancongan Asean (ATC) sempena Forum Pelancongan Asean (ATF) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, semalam.

Turuthadir, Menteri Pelancongan, Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Presiden Persatuan Pelancongan Asean (Aseanta), Agus Salim.

Dr Mahathir berkata, Asean yang dianggotai 10 negara juga istimewa kerana masih mengekalkan alam semula jadi, khususnya hutan belantara yang memberi 'kelembapan' kepada negara di rantau ini yang juga tidak akan ditemui di tempat lain.

"Aset ini (kelembapan) boleh kita gunakan untuk menarik pelancong dari negara beriklim panas untuk datang dan merasai sendiri kelembapan yang ada di sini," katanya.

Beliau berkata, penggunaan visa tunggal untuk memudahkan rakyat di rantau ini bergerak dari satu negara ke negara Asean lain seperti diamalkan Kesatuan Eropah (EU)



**DR MAHATHIR** melihat batik cantung yang dihasilkan Halimaton Jaafar dari Langkawi sebagai satu daripada kesenian Malaysia yang perlu ditonjolkan kepada peserta Travex di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi, semalam. - Gambar oleh Rizal Braim

juga akan menjadikan Asean sebagai destinasi pelancongan mega yang menawarkan kepelbagaian etnik, budaya dan agama.

"Ketika ini, ada negara Asean yang mudah dilawati dan ada sesetengahnya masih tidak memudahkan perjalanan. Jika kita adakan visa tunggal untuk rakyat, kita bukan saja memajukan sektor pelancongan negara kita tetapi juga kepada rantau ini secara keseluruhan," katanya.

Di kalangan negara Asean, cuma Malaysia, Singapura dan Brunei membenarkan pelancong masuk tanpa menggunakan visa jika tidak

melebihi dua minggu.

Dr Mahathir berkata, pergerakan itu akan lebih mudah jika Asean mengadakan kemudahan pengangkutan seperti lebih banyak penerbangan, terutama penerbangan tambang murah antara negara Asean.

Katanya, jika ini dilaksanakan, rantau Asean tidak akan menderita atau terlalu merasai kesan buruk jika berlaku peperangan atau wabak penyakit yang menyebabkan pelancong takut untuk datang ke rantau ini.

"Walaupun kita menderita, kita

masih boleh gembira dengan apa yang kita ada (kehadiran pelancong dari negara jiran)," katanya.

Ketika ditanya bagaimana Asean boleh bertindak apabila ada negara tertentu mengeluarkan amaran kepada rakyatnya untuk tidak melawat negara tertentu di rantau ini kerana tidak selamat, Dr Mahathir berkata:

"Asean perlu buktikan kita lebih selamat untuk dilawati berbanding negara mereka. Kita beritahu, mereka akan lebih selamat jika berada di Asean berbanding di negara mereka."